

BERITA HARIAN

DATE:28/1/2010

## **Pelan induk pelaksanaan GTP dilancar hari ini**

**K**UALA LUMPUR: Pelan induk pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang berkaitan dengan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dijadual dilancarkan Datuk Seri Najib Razak, di ibu negara hari ini.

Pelan itu susulan janji Perdana Menteri untuk membawa perubahan lebih ketara bukan saja kepada ekonomi dan sosial, malah sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam kerajaan supaya lebih berupaya untuk memajukan negara.

Naskhah 261 halaman Pelan Hala Tuju GTP itu disiapkan hasil kerja kira-kira 12 bulan dan boleh diakses orang ramai. Ia merangkumi kajian dan hasil mengenal pasti jurang serta permasalahan yang perlu ditangani menerusi tindakan segera kerajaan.

Kenyataan media Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di Jabatan Perdana Menteri semalam menyatakan, pelan induk yang diilhamkan serta mendapat sentuhan Najib itu adalah pendekatan agresif kerajaan bagi mencapai maksud perubahan yang cecap dan berkesan.

Pada masa sama, kerajaan melalui Majlis Penasihat Ekonomi Negara menyiapkan Model Baru Ekonomi Malaysia, manakala Unit Perancang Ekonomi merangka pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RM-10). Kedua-dua rancangan itu akan dilaksanakan tahun ini.

Pelan itu turut mengandungi perincian pendekatan unik kerajaan membina masyarakat berteraskan semangat Malaysia, sekali gus mencerminkan komitmen enam NKRA yang dipilih dengan teliti sebagai asas keutamaan rakyat dalam merealisasikan slogan Rakyat Didahulukan.

Ia juga memperincikan kaedah yang akan digunakan bagi memastikan komitmen kerajaan disampaikan dengan jaya dalam mencerminkan slogan Pencapaian Didutamakan.